

D.R. 11/2017

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta untuk meminda Kanun Keseksaan.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Kanun Keseksaan (Pindaan) 2017.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Pindaan seksyen 292

2. Kanun Keseksaan [*Akta 574*], yang disebut “Kanun” dalam Akta ini, dipinda dalam seksyen 292—

(*a*) dalam perenggan (*a*), dengan memasukkan selepas perkataan “obscene object” perkataan “or document”;

(b) dalam perenggan (b)—

(i) dengan memasukkan selepas perkataan “obscene object” perkataan “or document”; dan

(ii) dengan memasukkan selepas perkataan “such object” perkataan “or document”;

(c) dalam perenggan (c), dengan memasukkan selepas perkataan “obscene objects” perkataan “or documents”; dan

(d) dalam perenggan (d), dengan memasukkan selepas perkataan “obscene object” perkataan “or document”.

Pindaan seksyen 293

3. Kanun dipinda dalam seksyen 293—

(a) dalam nota bahu, dengan memasukkan selepas perkataan “**obscene objects**” perkataan “**or documents**”; dan

(b) dengan memasukkan selepas perkataan “obscene object” perkataan “or document”.

Penggantian seksyen 326A

4. Kanun dipinda dengan menggantikan seksyen 326A dengan seksyen yang berikut:

“Punishment for causing hurt to spouse, former spouse, etc.

326A. (1) Whoever causes hurt to his spouse or former spouse, a child, an incapacitated adult or other member of the family and commits an offence under section 323, 324, 325, 326, 334 or 335 shall be punished with imprisonment for a term which may extend to twice of the maximum term for which he would have been liable on conviction for that offence under the relevant section notwithstanding any other punishment provided for that offence.

(2) For the purpose of this section, “spouse”, “child”, “incapacitated adult” and “other member of the family” have the meanings assigned to them in section 2 of the Domestic Violence Act 1994 [Act 521].”.

Pindaan seksyen 376

5. Kanun dipinda dalam seksyen 376—

- (a) dalam subseksyen (1), dengan menggantikan perkataan “shall also be liable to” dengan perkataan “shall also be punished with”; dan
- (b) dalam subseksyen (2), dengan menggantikan perkataan “shall also be liable to” dengan perkataan “shall also be punished with”.

Pindaan seksyen 376B

6. Kanun dipinda dalam subseksyen 376B(1) dengan menggantikan perkataan “shall also be liable to” dengan perkataan “shall also be punished with”.

Pindaan seksyen 377B

7. Kanun dipinda dalam seksyen 377B dengan menggantikan perkataan “shall also be liable to” dengan perkataan “shall also be punished with”.

Pindaan seksyen 377C

8. Kanun dipinda dalam seksyen 377C dengan menggantikan perkataan “shall also be liable to” dengan perkataan “shall also be punished with”.

Pindaan seksyen 377CA**9.** Kanun dipinda dalam seksyen 377CA—

- (a) dalam nota bahu, dengan memasukkan selepas perkataan “**object**” perkataan “, *etc.*”; dan
- (b) dengan memasukkan selepas perkataan “of any object” perkataan “or any part of the body, except the penis”.

Pindaan seksyen 377E

10. Kanun dipinda dalam seksyen 377E dengan menggantikan perkataan “shall also be liable to” dengan perkataan “shall also be punished with”.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Kanun Keseksaan (“Akta 574”), untuk memperluas kesalahan perhubungan seksual dengan objek supaya termasuk mana-mana bahagian badan kecuali zakar, untuk memperluas hukuman di bawah seksyen 326A Akta 574 bagi mereka yang menyebabkan kecederaan kepada bekas suami atau isterinya, kanak-kanak, dsb., untuk memasukkan dokumen lucah sebagai sebahagian daripada perkara yang dilarang untuk dijual, dsb., dan untuk menjadikan hukuman sebat mandatori bagi kesalahan seksual yang dinyatakan.

- 2. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan mengenai permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.
- 3. *Fasal 2* bertujuan untuk memasukkan dokumen lucah sebagai sebahagian daripada perkara yang dilarang untuk dijual, dsb., di bawah seksyen 292 Akta 574. Bagi maksud ini, dokumen itu termasuklah kandungan lucah dalam talian.
- 4. *Fasal 3* bertujuan untuk meminda seksyen 293 Akta 574 untuk memasukkan dokumen lucah sebagai sebahagian daripada perkara yang dilarang untuk dijual, dsb., di bawah seksyen 293 Akta 574 kepada mana-mana orang yang berumur di bawah dua puluh tahun.

5. *Fasal 4* bertujuan untuk menggantikan seksyen 326A Akta 574 sedia ada dengan seksyen baharu 326A untuk memperluas pemakaian seksyen ini kepada orang seperti bekas suami atau isteri, kanak-kanak, orang dewasa tidak berkeupayaan, atau anggota lain keluarga dan orang ini adalah seperti yang ditakrif dalam seksyen 2 Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 dan tidak terhad bagi mereka yang masih dalam perkahwinan yang sah sahaja. Dengan cadangan pindaan ini, mahkamah hendaklah mempunyai kuasa untuk menghukum pesalah yang menyebabkan kecederaan kepada suami atau isterinya, bekas suami atau isterinya, kanak-kanak, orang dewasa tidak berkeupayaan atau anggota lain keluarga, dan melakukan kesalahan di bawah seksyen 323, 324, 325, 326, 334 atau 335 Akta 574 dengan pemenjaraan bagi tempoh yang boleh sampai dua kali tempoh maksimum yang dia boleh dikenakan sekiranya disabitkan bagi kesalahan itu di bawah seksyen berkaitan walau apa pun hukuman lain denda atau sebatan diperuntukkan bagi seksyen itu.

6. *Fasal 5, 6, 7, 8, dan 10* bertujuan untuk meminda seksyen 376, 376B, 377B, 377C dan 377E, masing-masing, untuk menjadikan hukuman sebat mandatori bagi kesalahan seksual dalam Akta 574.

7. *Fasal 9* bertujuan untuk meminda seksyen 377CA Akta 574 sedia ada untuk memperluas pemakaian seksyen ini bagi kesalahan yang melibatkan perhubungan seksual dengan menggunakan mana-mana bahagian badan selain zakar. Pindaan yang dicadangkan ini adalah selaras dengan keputusan Mahkamah Rayuan dalam kes *Shafiee bin Awang v PP [unreported]*, yang menurutnya mahkamah telah memutuskan dan menafsirkan bahawa jari termasuk dalam takrif “objek” di bawah seksyen 377CA Akta 574. Cadangan pindaan ini dibuat bagi maksud penjelasan dan oleh itu, perkataan “atau mana-mana bahagian badan, selain zakar” dicadangkan untuk dimasukkan selepas perkataan “apa-apa objek” dalam seksyen 377CA Akta 574. Dengan cadangan pindaan ini, apabila terdapat kes bagi apa-apa kesalahan yang melibatkan perhubungan seksual dengan objek di bawah seksyen 377CA Akta 574 yang melibatkan mana-mana bahagian badan seperti jari atau lidah, pendakwaan boleh dimulakan di bawah seksyen 377CA Akta 574.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan.

[PN(U2)3036]